

16/10/1998

Kerajaan sukar bayar bonus

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, agak sukar bagi kerajaan untuk membayar bonus kepada kakitangan awam tahun depan.

Perdana Menteri berkata, pembayaran bonus dilakukan apabila pendapatan kerajaan melebihi daripada biasa. Berikutan negara akan mengalami defisit agak besar, sukar bagi kerajaan untuk menimbang soal itu sekarang.

"Sepertimana yang kita tahu, apabila pendapatan kerajaan lebih daripada biasa, kita bayar bonus. Itu prinsip bonus.

"Kalau kita rugi pun bayar bonus, untung pun bayar bonus, itu sebenarnya pembayaran tertangguh (delayed pay). Semua pihak mesti sanggup mengikat perut. Kita akan pulih, InsyaAllah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pra-persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan wakil Barisan Nasional (BN) di Parlimen.

Pada 1993, lebih 850,000 kakitangan awam menerima bonus setengah bulan gaji atau bayaran minimum RM400. Pada 1994 dan 1995, kerajaan membayar sebulan gaji bonus atau minimum RM600, manakala pada 1996, sebulan gaji atau RM700 bagi kumpulan terendah.

Tahun lalu, 1997, kerajaan memberi bonus sebulan gaji atau minimum RM700 menerusi dua pembayaran ansuran. Pembayaran pertama RM500 dibuat pada Disember 1997, manakala bakinya dibayar pada April lalu.

Isnin lalu, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali, mengingatkan kakitangan awam supaya tidak terlalu memikirkkan soal bonus, sebaliknya menumpukan perhatian membantu memulihkan ekonomi.

Beliau menegaskan, tiada sesiapa yang wajar memikirkkan soal bonus ketika ekonomi mengalami kegawatan sekarang ini.

(END)